

## **Malaysia**

### **Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Tenaga Kerja**

#### **Laporan Kebebasan Beragama Antarabangsa Julai-Disember 2010**

##### **Laporan**

13 September 2011

Perlembagaan memberikan kebebasan beragama tetapi juga memberikan kerajaan negeri dan persekutuan kuasa untuk “mengawal atau menyekat pengembangan mana-mana doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.” Perlembagaan juga mentakrifkan orang Melayu sebagai orang Islam. Mahkamah sivil biasanya menyerahkan kuasa kepada mahkamah syariah bagi kes-kes berkaitan keluar daripada agama Islam, dan mahkamah syariah pula enggan membenarkan sesiapa keluar daripada agama Islam.

Sepanjang tempoh laporan ini, tiada sebarang perubahan dari segi status menghormati kebebasan beragama oleh pihak kerajaan. Umumnya, orang Islam tidak boleh keluar daripada agama Islam untuk menganut agama lain secara sah tetapi penganut agama lain boleh menganut agama Islam. Para pegawai di peringkat persekutuan dan negeri memantau kegiatan agama Islam, dan mereka kadangkala mempengaruhi kandungan khutbah, menggunakan masjid untuk menyampaikan mesej politik, dan menghalang imam-imam tertentu daripada berucap di dalam masjid. Kerajaan mengekalkan dua sistem perundangan, di mana mahkamah syariah mempunyai kuasa ke atas isu-isu agama dan kekeluargaan yang melibatkan orang Islam, dan mahkamah sekular mempunyai kuasa ke atas isu-isu lain berkaitan orang Islam dan penduduk keseluruhan. Dasar-dasar kerajaan adalah mempromosikan agama Islam berbanding agama-agama lain. Kumpulan-kumpulan agama minoriti umumnya bebas mengamalkan kepercayaan mereka; tetapi beberapa tahun kebelakangan ini, ramai telah menyuarakan keimbangan bahawa sistem mahkamah sivil secara beransur-ansur menyerahkan bidang kuasa kepada mahkamah syariah, terutama dalam hal-hal berkaitan undang-undang keluarga yang melibatkan pertikaian di antara orang Islam dan bukan Islam. Penganut-penganut agama minoriti terus menghadapi sekatan dalam meluahkan agama mereka, termasuk sekatan dalam penggunaan harta. Kerajaan mengehadkan pengedaran bahan-bahan Kristian berbahasa Melayu dan melarang pendakytahan agama lain kepada orang Islam oleh orang bukan Islam.

Terdapat beberapa laporan mengenai penganiayaan atau diskriminasi masyarakat berdasarkan pertalian, kepercayaan, atau amalan keagamaan.

Kerajaan A.S. berbincang tentang kebebasan beragama dengan kerajaan Malaysia sebagai sebahagian daripada dasar menyeluruhnya untuk menggalakkan hak asasi manusia. Wakil-wakil Kedutaan mengekalkan dialog yang aktif dengan para pemimpin dan wakil-wakil kumpulan agama, termasuk mereka yang tidak diiktiraf secara rasmi oleh kerajaan Malaysia.

### **Bahagian I. Demografi Agama**

Malaysia memiliki keluasan kawasan 127,000 batu persegi dan jumlah penduduk 28.3 juta. Menurut bancian tahun 2000, 60 peratus daripada penduduk menganut agama Islam; 19 peratus penganut agama Buddha; 9 peratus penganut agama Kristian; 6 peratus penganut agama Hindu; dan 3 peratus Konfusianisme, Taoisme, dan kepercayaan-kepercayaan tradisi Cina yang lain. Kumpulan-kumpulan minoriti agama lain termasuk animisme, Sikh, dan Baha'i. Orang Melayu beragama Islam merangkumi lebih kurang 55 peratus daripada jumlah penduduk. Tiga daripada lima parti politik utama adalah berlandaskan bangsa dan/atau agama. Majoriti penganut Kristian tinggal di negeri-negeri di timur Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak.

### **Bahagian II. Status Penghormatan Kerajaan terhadap Kebebasan Beragama**

#### **Kerangka Perundangan/Dasar**

Sila rujuk Lampiran C dalam Laporan Amalan Hak Asasi Manusia untuk status penerimaan kerajaan tentang piawaian undang-undang antarabangsa

<http://www.state.gov/g/drl/rls/hrrpt/2010/appendices/index.htm>.

Perlembagaan membenarkan kebebasan beragama. Walau bagaimanapun, terdapat bahagian dalam perlembagaan serta undang-undang dan dasar-dasar lain yang mengenakan beberapa sekatan terhadap

kebebasan beragama. Perkara 11 menyatakan "tiap-tiap orang berhak menganut dan mengamalkan agama masing-masing," tetapi perkara tersebut juga memberi kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri dan persekutuan untuk "mengawal atau menyekat pengembangan mana-mana doktrin atau kepercayaan agama di kalangan penganut agama Islam." Undang-undang membenarkan rakyat atau pertubuhan-pertubuhan menyaman kerajaan jika berlaku pencabulan perlembagaan dalam kebebasan beragama. Perlembagaan menyatakan bahawa undang-undang persekutuan mengatasi undang-undang negeri. Ia juga menyatakan bahawa isu-isu mengenai undang-undang Islam adalah urusan negeri, dan bukan urusan kerajaan persekutuan. Perlembagaan menetapkan kuasa badan kehakiman persekutuan berdasarkan Seksyen 121(1) dengan mewujudkan dua mahkamah tinggi yang mempunyai bidang kuasa sama taraf dan bebas - satu di Semenanjung Malaysia dan satu di Malaysia Timur. Namun, pada bulan Jun 1988, parlimen telah meminda perlembagaan, menambah Seksyen 121(1A) yang menyatakan, "Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal(1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah." Pindaan ini membawa kekaburuan mengenai undang-undang syariah dan undang-undang sivil yang belum diselesaikan dengan jelas. Mahkamah sivil umumnya menyebelahi kerajaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam. Perkara 3 perlembagaan menyatakan bahawa "Islam ialah agama Persekutuan" dan "Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam." Perkara 160 perlembagaan mentakrifkan orang Melayu sebagai orang Islam. Mahkamah sivil umumnya menyerahkan bidang kuasa kepada mahkamah syariah bagi kes-kes yang berkaitan dengan keluar daripada agama Islam, dan mahkamah syariah pula enggan membenarkan sesiapa keluar daripada agama Islam. Perlembagaan mengenalpasti raja-raja sebagai "Ketua Agama Islam" di negeri mereka masing-masing.

Kerajaan mempunyai senarai rasmi 56 ajaran yang dianggap "sesat" dan mengancam keselamatan negara. Kerajaan boleh menahan orang Islam yang menyimpang daripada ajaran asas Ahli Sunnah Waljamaah dan mewajibkan mereka menjalani "pemulihan" di pusat-pusat yang mengajar dan menguatkuasakan amalan-amalan Islam yang diluluskan pihak kerajaan.

Peraturan-peraturan berkaitan masjid-masjid ditadbir di peringkat negeri, dan bukan oleh kerajaan persekutuan. Pihak berkuasa agama negeri melantik imam-imam masjid dan memberi garis panduan semua kandungan khutbah.

Pihak berkuasa negeri mentadbir undang-undang syariah melalui mahkamah syariah yang mempunyai bidang kuasa ke atas semua orang Islam. Undang-undang syariah dan tahap penguatkuasaannya berlainan di antara negeri-negeri. Kerajaan negeri mengenakan undang-undang Islam ke atas orang Islam dalam hal-hal kebudayaan dan sosial tetapi lazimnya tidak mencampuri amalan keagamaan masyarakat bukan Islam. Namun perdebatan tentang memasukkan unsur-unsur undang-undang syariah seperti khawat (berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim), ke dalam undang-

undang civil masih berterusan. Walaupun hukuman khusus untuk kesalahan khawat berbeza di antara negeri-negeri, hukuman biasanya adalah penjara dua tahun, denda sebanyak RM3,000, atau kedua-duanya sekali.

Pegawai-pegawai penguatkuasa agama negeri mempunyai kuasa untuk bekerjasama dengan polis untuk menyerbu premis-premis persendirian dan tempat-tempat awam untuk menguatkuasakan undang-undang syariah, termasuk pelanggaran seperti pemakaian tidak senonoh, pengambilan alkohol, atau orang Islam bukan muhrim yang berdua-duaan. Pihak berkuasa agama negeri tidak memberi maklumat tentang jumlah serbuan yang telah dibuat oleh pegawai-pegawainya.

Mahkamah syariah tidak memberi pertimbangan yang sama rata terhadap testimoni wanita. Beberapa pertubuhan bukan kerajaan yang memperjuangkan hak-hak wanita mengadu bahawa golongan wanita tidak menerima layanan adil di mahkamah syariah dalam hal-hal berkaitan perceraian dan hak penjagaan anak. Kerajaan tidak mengiktiraf perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam.

Pada bulan September 2009, Timbalan Ketua Pemuda Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Azman Shapawi telah mengumumkan rancangan parti itu untuk melarang penjualan alkohol di kawasan majoriti Islam di negeri-negeri yang dikuasai oleh pakatan pembangkang. Negeri-negeri pakatan pembangkang gagal meluluskan larangan tersebut dalam tempoh laporan, namun terdapat laporan bahawa banyak kedai-kedai serbaneka yang terletak di dalam kawasan kejiran Melayu secara sukarela berhenti menjual minuman beralkohol.

Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan arahan mengharamkan orang Islam daripada mengamalkan Yoga, dengan mendakwa terdapat unsur-unsur Hindu dalam Yoga yang boleh merosakkan minda dan kepercayaan orang Islam. Majlis Fatwa Kebangsaan juga telah mengeluarkan fatwa mengharamkan perempuan daripada berlagak dan berpakaian seperti lelaki kerana menggalakkan homoseksual dan menyalahi agama Islam. Di bawah fatwa "tomboy" ini, perempuan tidak boleh berambut pendek, berpakaian, berjalan, atau berlagak seperti lelaki. Fatwa adalah sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun penguatkuasaannya bergantung kepada pihak berkuasa Islam di setiap negeri. Tidak ada laporan mengenai tindakan penguatkuasaan undang-undang yang dibuat berdasarkan salah satu daripada fatwa-fatwa ini.

Pindaan Kanun Jenayah adalah perogatif eksklusif kerajaan persekutuan. Walaupun bertentangan dengan undang-undang persekutuan, kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu telah meluluskan undang-undang masing-masing pada tahun 1993 dan 2002 yang menjadikan murtad satu kesalahan

yang membawa kepada hukum bunuh. Murtad ditakrifkan sebagai keluar daripada agama Islam untuk menganut agama lain. Tiada siapa pun yang telah disabitkan di bawah undang-undang ini dan, menurut kenyataan Peguam Negara pada tahun 1993, undang-undang tidak boleh dikuatkuasakan tanpa pindaan perlembagaan. Di peringkat nasional, orang Islam yang mahu menukar agama hendaklah terlebih dahulu meminta kebenaran daripada mahkamah syariah untuk mengisyiharkan mereka “murtad.” Ini secara langsung melarang penukaran agama bagi orang Islam kerana mahkamah syariah jarang membenarkan permintaan tersebut dan boleh mengenakan hukuman ke atas si murtad.

Mahkamah syariah di peringkat negeri mempunyai kuasa mengarahkan individu yang mahu keluar daripada agama Islam atau mereka yang menganut kepercayaan ajaran “sesat” untuk dimasukkan ke pusat pemulihan agama. Kerajaan menafikan individu kebebasan untuk keluar dari pusat terbabit sehingga mereka menghabiskan program pemulihan. Kerajaan tidak mengeluarkan statistik jumlah mereka yang dimasukkan ke pusat pemulihan agama semasa laporan dibuat.

Kerajaan menyediakan bantuan kewangan kepada institusi keagamaan Islam tetapi bantuan kewangan yang lebih terbatas kepada masyarakat bukan Islam.

Kerajaan melarang penerbitan dan perdebatan awam yang dianggap boleh mencetuskan perbalahan kaum atau agama dan melarang keras kumpulan-kumpulan agama lain daripada menarik orang Islam menganut agama mereka. Namun begitu, kegiatan dakwah kepada orang bukan Islam dibenarkan.

The Registrar of Societies, under the home ministry, determines whether a religious organization may be registered and thereby qualify for government grants and other benefits. The registrar has no consistent policy on registering religious organizations or transparent criteria to use as guidelines in making its determination. In cases where the government refused to recognize certain religious organizations, which is required in order to operate legally, these groups sometimes registered under the Companies Act. Examples include Jehovah's Witnesses and The Church of Jesus Christ of Latter-day Saints (Mormons). Registration under the Companies Act confers protections of religious freedom to the extent they are enjoyed by the country's other religious groups but precludes government funding.

Pendaftar Pertubuhan, di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, menentukan sama ada sebuah pertubuhan agama itu boleh didaftarkan untuk layak menerima bantuan kewangan dan faedah-faedah lain daripada kerajaan. Pihak Pendaftar tidak mempunyai dasar yang konsisten mengenai pendaftaran pertubuhan agama atau menggunakan kriteria yang telus dalam membuat penentuan tersebut. Dalam kes di mana pihak kerajaan enggan mengiktiraf pelbagai pertubuhan agama, yang perlu untuk

memastikan pertubuhan ini dapat bergiat secara sah, kumpulan-kumpulan ini telah mendaftarkan pertubuhan mereka di bawah Akta Syarikat. Antara contoh termasuk Jehovah's Witnesses dan Church of Jesus Christ of Latter-day Saints (Mormon). Pendaftaran di bawah Akta Syarikat memberikan perlindungan dari segi kebebasan beragama seperti yang dinikmati oleh kumpulan-kumpulan lain di negara ini tetapi tidak layak mendapat bantuan kewangan kerajaan.

Kerajaan persekutuan dan negeri membiayai tempat-tempat ibadat Islam kerana Islam adalah agama persekutuan. Pembiayaan untuk tempat-tempat ibadat bukan Islam datang dari peruntukan khas Jabatan Perdana Menteri atau kerajaan negeri. Bagaimanapun, kerajaan negeri mempunyai kuasa eksklusif ke atas peruntukan tanah dan pembinaan bagi semua tempat ibadat dan peruntukan bagi semua tanah perkuburan. Menurut kumpulan-kumpulan minoriti agama, tempat-tempat ibadat bukan Islam kurang diberi peruntukan sewajarnya dan kerajaan membuat keputusan memberi pembiayaan secara arbitri. Menurut pertubuhan NGO tempatan, kedua-dua kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri sering melengah-lengahkan kebenaran untuk membina atau mengubahsuai tempat ibadat bukan Islam sementara agak cepat membenarkan pembinaan masjid-masjid.

Kerajaan terus mewajibkan semua kakitangan kerajaan yang beragama Islam menghadiri kelas agama yang dibenarkan, dan beberapa agensi kerajaan memberi tekanan kepada wanita bukan Islam supaya memakai skarf kepala semasa menghadiri majlis rasmi. Namun, amalan ini tidak dikuatkuasakan dengan ketat.

Sekolah kerajaan umumnya menawarkan pendidikan agama Islam yang wajib bagi semua kanak-kanak Islam; pelajar-pelajar bukan Islam pula diwajibkan mengambil kelas moral dan etika. Di sekolah rendah dan menengah, perhimpunan pelajar selalunya bermula dengan bacaan doa oleh guru atau ketua pelajar. Sekolah persendirian bebas untuk menawarkan kurikulum agama bukan Islam sebagai pilihan kepada orang bukan Islam. Tiada sekatan bagi pembelajaran di rumah. Kerajaan menawarkan geran hanya kepada sekolah persendirian Islam yang setuju membenarkan kawalselia kerajaan dan menerima pakai kurikulum yang diluluskan oleh kerajaan.

Kad pengenalan memberi identiti orang Islam dengan cetakan jelas di atas permukaan kad, tetapi bagi penganut agama lain yang diiktiraf, agama mereka dikodkan ke dalam cip pintar kad pengenalan mereka dan tidak dicetak. Orang Islam juga hendaklah membawa kad pengenalan diri bergambar bersama pasangan mereka sebagai bukti perkahwinan. Kerajaan menggunakan kad ini untuk menentukan rakyat yang tertakluk kepada peraturan syariah.

Kerajaan meraikan hari keagamaan berikut sebagai cuti umum: Hari Raya Puasa, Hari Raya Korban, Hari Kelahiran Nabi Muhammad, Awal Muharram, Hari Wesak, Deepavali, Thaipusam, dan Krismas. Good Friday disambut secara rasmi di Malaysia Timur.

### **Sekatan Terhadap Kebebasan Beragama**

Kerajaan menguatkuasakan sekatan perundangan terhadap kebebasan beragama secara selektif. Tiada perubahan dalam status menghormati kebebasan beragama oleh kerajaan semasa tempoh laporan ini. Kerajaan telah mengharamkan 56 ajaran yang dianggap sebagai “sesat” di dalam Islam, dengan berpendapat ajaran “sesat” ini membahayakan keselamatan negara dan boleh memecah belahkan masyarakat Islam. Kumpulan yang diharamkan termasuk Ahmadiyyah, Ismailiah, Syiah, dan Baha’i. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri telah membuat garis panduan persekutuan mengenai apa yang dikatakan kelakuan atau kepercayaan yang “sesat” dan garis panduan ini selalunya diikuti oleh pihak berkuasa negeri. Dengan kebenaran mahkamah syariah, kerajaan boleh menangkap dan menahan anggota kumpulan “sesat” bagi “pemulihan” ke “jalan sebenar Islam.” Kerajaan terus memantau aktiviti golongan Syiah yang kecil.

Kerajaan kadangkala menyekat perbincangan awam mengenai isu-isu agama yang kontroversi seperti kebebasan beragama, penukaran agama mereka di bawah umur, dan dialog antara agama.

Pada bulan November 2008, kerajaan mengumumkan ia mengawasi kumpulan Qadiani, satu cabang gerakan Ahmadiyah yang aktif sejak lima tahun lepas. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengisyiharkan kumpulan itu sesat kerana mempunyai doktrin Islam yang berbeza dengan tafsiran rasmi. Di antara perbezaannya, Qadiani percaya pengikutnya harus mengerjakan ibadah haji di India. Kerajaan memberi amaran kepada pengikut kumpulan tersebut dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka; bagaimanapun tiada tindakan diambil sepanjang tempoh laporan. Pada bulan Ogos 2009, media tempatan melaporkan ajaran itu telah tersebar di negeri Selangor. Kerajaan dilaporkan terus memantau gerakan tersebut.

Penguatkuasaan undang-undang Syariah yang ketat telah menambah beberapa lagi sekatan terhadap orang Islam yang ditunjukkan dengan hukuman sebat bagi perbuatan-perbuatan seperti meminum arak dan khalwat oleh mahkamah Syariah. Hukuman sebat di bawah undang-undang jenayah Malaysia dilakukan dengan menggunakan rotan setebal setengah inci yang boleh menyebabkan bekas dan parut,

sementara hukuman sebat di bawah undang-undang syariah dilaporkan kurang teruk. Menurut undang-undang syariah, rotan yang lebih kecil digunakan, dan pegawai yang merotan tidak boleh mengangkat rotan lebih tinggi daripada bahunya untuk mengurangkan kesan. Selain itu, subjek yang akan menerima hukuman sebatan akan ditutup sepenuhnya dengan jubah agar rotan tidak akan menyentuh mana-mana bahagian kulitnya. Pegawai agama Islam mendakwa hukuman ini bertujuan bukan untuk melukai sesiapa tapi agar pelaku dosa merasa malu dan bertaubat dan tidak mengulangi perbuatan tersebut.

Pada bulan September 2009, Mahkamah Syariah Negeri Pahang telah menjatuhkan hukuman enam kali sebatan dan denda ke atas pelayan beragama Islam yang menyediakan alkohol kepada Kartika Sari Dewi Shukanro. Sultan Pahang akhirnya meringankan hukuman sebat Kartika dan memerintahkan untuk menjalani hukuman khidmat masyarakat selama 20 hari kerana kesalahan meminum arak. Pelayan itu merayu hukuman dan mana-mana yang masih belum selesai.

On 29 Disember, media tempatan melaporkan bahawa JAKIM telah merancang untuk "mengambil tindakan" terhadap seorang lelaki Islam yang mengaku di YouTube bahawa dia adalah gay. Pada 31 Disember, ketua pengarah JAKIM Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz berkata bahawa jabatan itu tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang tetapi mencadangkan yang perkara itu jatuh di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama peringkat negeri.

On 25 Disember, Bernama melaporkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Islam Sabah (JHEAINS) akan menguatkuasakan undang-undang murtad sebaik sahaja pusat pemulihan akidahnya di Kinarut, Sabah siap pada tahun 2011. Pengarah JHEAINS, Datuk Amri A. Suratman berkata, penguatkuasaan undang-undang adalah sebahagian daripada pelan strategik lima tahun jabatan itu. Pada 26 Disember, Ketua Biskop Katolik Murphy Pakiam meminta kerajaan persekutuan untuk campur tangan dengan berkata bahawa undang-undang murtad "akan mewujudkan rasa takut."

Pada 6 Disember, ahli Majlis Tertinggi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Tualang Dr Shahidan Kassim menggesa Facebook disekat selepas timbul dakwaan bahawa pemegang akaun Facebook Malaysia telah menggunakan laman media sosial untuk menghina Islam dan pemimpin-pemimpin Malaysia. "Jika kandungan laman web menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara dan menghina Islam, maka ia tidak perlu untuk mempunyai Facebook," katanya kepada pemberita selepas mengiringi ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Facebook Perlis yang membuat laporan di balai polis Kangar. Shahidan berkata laporan juga akan dibuat di Jabatan Agama Islam Negeri. Beliau juga menggesa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, dan Majlis Fatwa Kebangsaan untuk bertindak terhadap pengguna

Facebook terbabit. Kerajaan Malaysia tidak mengambil sebarang tindakan ke atas isu ini sehingga akhir tempoh laporan ini.

Pada 4 Disember, Siti Maryam Mahmood, pengantin berusia 14 tahun, telah berkahwin dengan Abdul Manan Othman, 23 tahun, di sebuah masjid di Kuala Lumpur sebagai satu daripada 250 orang pasangan yang berkahwin beramai-ramai. Pasangan itu dilaporkan mula berkahwin pada bulan Julai 2010 selepas diberi kebenaran oleh mahkamah Syariah. Pada 6 Disember, Menteri Wanita, Shahrizat Abdul Jalil menyatakan pendirian kerajaan tidak menggalakkan perkahwinan kanak-kanak dan beliau berjanji untuk meneliti perkara itu. Walau bagaimanapun, pada 8 Disember, Menteri yang bertanggungjawab dalam bidang undang-undang Nazri Aziz berkata bahawa kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengharamkan perkahwinan kanak-kanak atau mengkaji semula undang-undang untuk perkahwinan di bawah umur kerana Islam membenarkan amalan ini. Bercakap pada majlis yang sama, Menteri yang menjaga hal ehwal Islam Jamil Khir Baharom dilaporkan mengalu-alukan perkahwinan itu.

Pada 4 Ogos, Pengurus Majlis Agama Islam Negeri Melaka Mohd Ali Rustam mengisyiharkan bahawa pihak majlis negeri telah bersetuju untuk membenarkan lelaki di bawah umur 18 tahun dan perempuan di bawah umur 16 tahun untuk berkahwin selagi mereka mendapat kebenaran daripada mahkamah syariah negeri. Mohd Ali menambah bahawa keputusan itu dibuat untuk mengurangkan bilangan kes-kes zina dan bilangan bayi luar nikah.

Pada 31 Ogos, 22 pasangan Islam yang belum berkahwin telah ditangkap kerana berkhawat dalam operasi yang dijalankan oleh JAIS sempena sambutan Merdeka. Pasangan tersebut, yang dilaporkan ditangkap di hotel, telah dibawa ke ibu pejabat JAIS untuk merekodkan kenyataan dan kemudiannya dibebaskan. Tiada perkembangan lanjut yang berlaku sepanjang tempoh laporan ini.

Pada 22 Ogos, ahli parlimen wanita dari pembangkang, Teo Nie Ching, telah masuk ke masjid tanpa memakai tudung dengan baik. UMNO dan kumpulan Islam konservatif serta Perkasa bertindak balas bersama dengan menggesa diwujudkan undang-undang Syariah yang menyekat bukan Islam daripada memasuki tempat ibadat Islam. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memberi amaran kepada Teo agar tidak memasuki masjid atau surau tanpa kebenaran. Teo Nie Ching kemudiannya mengeluarkan permohonan maaf secara terbuka kepada Sultan Selangor. Sebelum ini, pada 1 Mac, Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa bukan Islam boleh memasuki masjid selagi mereka berpakaian kemas dan tidak melanggar kesucian masjid. Pada 2 September, MAIS mengeluarkan arahan bertulis yang melarang semua orang bukan Islam daripada memasuki masjid dan surau di Selangor tanpa kebenaran MAIS.

Pada 20 Julai, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Mufti Perak, Harussani Zakaria, telah menyeru umat Islam untuk menghentikan memakai jersi pasukan bola sepak Manchester United, kerana terdapat lambang salib, jenama minuman keras, dan syaitan dan oleh itu satu penghinaan kepada Allah. Tiada sebarang insiden yang dilaporkan berkenaan penguatkuasaan dasar ini dalam tempoh laporan ini.

Menurut kumpulan-kumpulan agama dan pertubuhan-pertubuhan NGO tempatan, proses kebenaran bagi permit membina tempat ibadat kadang-kadang mengambil masa yang sangat lambat. Kumpulan-kumpulan agama minoriti juga melaporkan kerajaan negeri kadang-kadang menggunakan sekatan zon dan peraturan pembinaan bagi menghalang pembinaan atau pengubahsuaian tempat ibadat orang bukan Islam.

Pada bulan Januari 2010, Mahkamah Tinggi Temerloh di negeri Pahang memutuskan bahawa Pejabat Tanah dan Daerah Temerloh tidak melakukan kesalahan apabila menolak untuk tidak membekalkan air dan elektrik ke sebuah gereja Orang Asli di Kampung Pasu dengan alasan bahawa bangunan itu didirikan sebagai tempat ibadat secara haram atas tanah kepunyaan kerajaan negeri tanpa kelulusan daripada Pejabat Tanah. Kes telah dibawa oleh dua orang Asli Kristian yang tinggal di Kampung Pasu untuk kajian semula kehakiman berkenaan keputusan Pejabat Tanah dan Daerah Temerloh untuk menolak permohonan gereja untuk mendapatkan perkhidmatan air dan elektrik. Gereja tersebut dilaporkan satu-satunya bangunan dalam penempatan itu yang tidak mempunyai bekalan air dan elektrik. Para pemohon telah mengemukakan rayuan atas keputusan Mahkamah Tinggi dan kes itu belum selesai pada akhir tempoh laporan.

Menurut Majlis Perunding bagi Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Malaysia (MPBKHSTM), kerajaan mengehadkan visa bagi ahli agama Islam dan bukan Islam di bawah umur 40 tahun untuk mengelakkan daripada “ahli agama militan” memasuki negara. Walaupun wakil-wakil kumpulan bukan Islam tidak duduk di dalam jawatan kuasa imigrasi yang meluluskan permintaan visa, cadangan MPBKHSTM diambil kira dalam kebanyakan kes.

Mahkamah syariah tidak pernah mengiktiraf penukaran agama orang Melayu daripada Islam kepada agama lain. Biasanya, satu-satunya penukaran agama yang diiktiraf adalah bagi wanita bukan berbangsa Melayu dan wanita yang dulunya memeluk Islam kerana berkahwin tetapi mahu kembali kepada agama asal selepas perkahwinan mereka dibubarkan.

Kerajaan tidak menimbang untuk memberi perlindungan terhadap individu yang mahu menukar agama daripada Islam. Anggota keluarga bukan Islam, termasuk pasangan mereka dan anak, hilang semua hak-

hak ke atas pewarisan dalam kes terbabit. Mahkamah mengkaji semula status agama anak di bawah umur secara berasingan dan dalam kes-kes di mana salah seorang pasangan masuk Islam sementara yang seorang lagi tidak, mahkamah cenderung untuk memihak kepada ibu atau bapa yang menganut Islam, dan anak-anak di bawah umur pada umumnya diputuskan sebagai orang Islam dalam kes terbabit.

Kerajaan mengharam dan merampas bahan-bahan agama yang didapati menyeleweng. Bahagian Kawalan Penerbitan Teks Quran di Kementerian Dalam Negeri mengawasi penerbitan teks-teks agama. Kerajaan tidak mengharamkan sebarang buku agama sepanjang tahun laporan. Penggunaan perkataan Allah (Tuhan), Baitullah (Rumah Tuhan), Kaabah (arah orang Islam sembahyang) dan Solat (sembahyang) dihadkan penggunaannya bagi orang Islam oleh Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran yang mendakwa perkataan-perkataan ini di bawah kuasa masyarakat Islam.

Walaupun amalannya berbeza di antara negeri-negeri, kedua-dua pihak kerajaan dan Pakatan Rakyat (yang terdiri daripada PAS, Parti Keadilan Rakyat dan Parti Tindakan Demokratik) cuba menggunakan masjid di negeri yang mereka perintah untuk menyampaikan ucapan berbaur politik. Beberapa negeri yang dikawal oleh Barisan Nasional (BN) mengharamkan imam yang mempunyai pertalian dengan pembangkang daripada bercakap di masjid, dan menguatkuasakan sekatan sedia ada ke atas kandungan khutbah, menggantikan pemimpin dan jawatankuasa pentadbir masjid yang dianggap bersimpati kepada pembangkang, dan mengancam untuk menutup masjid haram yang mempunyai pertalian dengan pembangkang. Seperti BN, kerajaan negeri yang dikawal pembangkang di Kelantan, Kedah, Selangor dan Pulau Pinang juga dilaporkan menyekat imam yang mempunyai pertalian dengan BN daripada bercakap di masjid sepanjang tempoh laporan ini.

Hanya orang Melayu, yang semuanya dianggap orang Islam oleh undang-undang, dan orang bukan Islam tertentu di Sabah boleh menjadi ahli pertubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang menjadi tunggak parti pemerintah.

Kerajaan mengehadkan pengedaran terjemahan Al-Kitab berbahasa Melayu dan bahan-bahan bercetak lain serta bahan-bahan audio dan video Kristian. Sejak tahun 2005, bekas Perdana Menteri Abdullah memperkenalkan dasar yang mewajibkan Al-Kitab berbahasa Melayu mempunyai perkataan “Bukan untuk Orang Islam” yang dicetak di kulit hadapan dan boleh diedarkan hanya di gereja-gereja dan kedai-kedai buku Kristian.

Pada 30 April, Mahkamah Tinggi menetapkan 24 Jun untuk mendengar permintaan Sidang Injil Borneo (SIB) untuk kajian semula kehakiman terhadap larangan kerajaan tentang penggunaan perkataan “Allah”

selepas usaha penyelesaian di luar mahkamah gagal. SIB telah mengemukakan permohonan pada Disember 2007 untuk mencabar rampasan enam kotak penerbitan pendidikan Kristian yang dihantar dari Indonesia oleh Jabatan Kastam untuk penggunaan kelas hari Ahad kanak-kanak. Walaupun buku-buku yang dirampas itu dikembalikan kepada pihak gereja pada bulan Januari 2008, SIB berhujah bahawa mereka mempunyai hak dalam perlembagaan untuk menggunakan perkataan "Allah" dalam semua penerbitan dan amalan keagamaan mereka, bukan hanya di dalam gereja, dan mencabar kuasa kerajaan untuk melarang hak agama-agama bukan Islam untuk mengimport buku-buku yang mengandungi perkataan "Allah." Kes ini masih tertunggak pada akhir tempoh laporan.

Kontroversi atas cubaan pengharaman penggunaan perkataan "Allah" oleh bukan Islam berterusan sepanjang tempoh laporan ini. Kontroversi ini timbul pada awal tahun 2008 apabila Kementerian Dalam Negeri cuba untuk mengharamkan penggunaan perkataan "Allah" oleh orang bukan Islam dalam Al-Kitab dalam bahasa Melayu dan penerbitan-penerbitan Kristian yang lain. Gereja Katolik memfailkan tuntutan mahkamah terhadap larangan tersebut pada bulan Februari 2008. Ketika kes itu belum selesai, Kementerian Dalam Negeri memperbaharui permit Gereja Katolik untuk menerbitkan akhbar *Catholic Herald* (yang disiarkan dalam bahasa Melayu, Tamil dan Bahasa Inggeris) dengan tiga syarat: berhenti menerbitkan bahagian bahasa Melayu (bahasa kebangsaan); mengehadkan jualan di kawasan milik Gereja Katolik; dan mencetak penafian di muka hadapan yang menyatakan akhbar ini dikhususkan untuk orang Kristian. Tanpa menghiraukan syarat-syarat tersebut, *Herald* terus menggunakan perkataan "Allah" dalam versi bahasa Melayu, dengan alasan yang Gereja Katolik di negara ini lebih 400 tahun dahulu.

Pada 31 Disember 2009, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bahawa larangan kerajaan mengenai penggunaan perkataan "Allah" oleh *Catholic Herald* adalah tidak mengikut Perlembagaan, satu keputusan yang berpihak kepada Gereja Katolik. Keputusan itu mencetuskan bantahan di kalangan majoriti orang Melayu yang mengakibatkan serangan terhadap beberapa tempat ibadat. Kerajaan telah bertindak pantas mengemukakan rayuan dan penangguhan keputusan mahkamah, dan pada 4 Januari mahkamah perbicaraan membentarkan permohonan untuk menangguh pelaksanaan keputusan sementara menunggu kajian semula penghakiman keputusan mahkamah oleh Mahkamah Rayuan. *Catholic Herald* tidak menentang arahan penangguhan itu, dan kes itu masih belum selesai pada akhir tempoh laporan.

Pada bulan April 2009 kerajaan mengumumkan rancangan untuk menempatkan semula 29 kuil Hindu di dalam dan sekitar Kuala Lumpur ke lokasi yang lain. Kerajaan mengeluarkan notis 30 hari kepada penjaga kuil untuk berpindah ke lokasi baru atau kuil dirobohkan. Kebanyakan struktur ini telah dibina di atas ladang persendirian sebelum merdeka. Namun, tiada laporan yang kerajaan telah memindah semula atau merobohkan sebarang kuil sepanjang tempoh laporan.

## **Penganiayaan Kebebasan Beragama**

Terdapat laporan penganiayaan kebebasan agama di negara ini.

Pada 16 Disember, JAIS telah menyerbu satu kumpulan Syiah di Gombak, Selangor dan menahan 128 pengikut termasuk seorang rakyat Iran yang memberi ceramah agama. 128 pengikut kumpulan ini telah dibebaskan dengan ikat jamin oleh Mahkamah Syariah Gombak sementara menunggu penyiasatan tentang kemungkinan pelanggaran Seksyen 12(c) Enakmen Jenayah Syariah Selangor kerana menghina, mempersoalkan, melanggar, dan mengingkari fatwa yang dikeluarkan oleh mufti negeri. Dua individu juga akan menghadapi tuduhan di bawah Seksyen 7(1) enakmen yang sama kerana “mengajar, menjelaskan, atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berkaitan dengan Islam” yang melanggar undang-undang syariah negeri serta Seksyen 13 bagi “memberikan, mengembangkan, atau menyebarkan apa-apa pandangan mengenai apa-apa isu, ajaran atau hukum syara’ yang bertentangan dengan fatwa yang telah berkuatkuasa di Selangor.” Penahanan beramai-ramai terhadap Pecinta Keluarga Nabi (Ahlul Bait) dilaporkan adalah tindakan paling keras yang dilaporkan telah diambil kerajaan Malaysia terhadap pengikut Syiah sejak mazhab ini telah diharamkan pada tahun 1996. Kumpulan itu dilaporkan menyambut Hari Ashura yang memperingati kesyahidan cucu Nabi Muhammad, Husain Ibn Ali, pada tahun 680 AD.

Pada 21 Oktober 2009, mahkamah Syariah telah menjatuhkan hukuman maksimum 10 tahun penjara dan enam kali sebatan kepada pemimpin ajaran sesat Islam yang mengaku sebagai nabi Allah. Abdul Kahar Ahmad mengaku bersalah terhadap tuduhan menyebarkan doktrin palsu, kekufuruan, dan melanggar prinsip agama Islam. Mahkamah mengarahkan Kahar menjalani enam bulan terakhir hukuman penjaranya di pusat pemulihan agama di Selangor. Pengikut Kahar mengemukakan rayuan bagi pihaknya.

Pada 1 November 2009, JAIS menahan bekas mufti Perlis Mohd Asri Zainul Abidin, seorang pemimpin Islam yang progresif, kerana memberi ceramah agama tanpa tauliah yang dikeluarkan oleh JAIS. Pada 18 November, Asri didakwa di bawah seksyen 119 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003, yang membawa kepada denda tidak lebih daripada RM 3,000, hukuman penjara maksimum dua tahun, atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan. Beliau mengaku tidak bersalah. Pada 7 Januari 2010, mahkamah rendah syariah Selangor memutuskan bahawa ia tidak mempunyai bidang kuasa terhadap kes tersebut kerana tuduhan mengajar tanpa tauliah tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Pada 28 April, kes itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Asri merayu terhadap pemindahan itu kerana ia menafikan beliau satu tahap rayuan. Pada 29 Julai, Mahkamah Tinggi

menangguhkan kes perbicaraan Asri sementara menunggu rayuannya. Kes itu masih belum selesai pada akhir tempoh laporan ini.

Pada Oktober 2008, Kerajaan mengharamkan Barisan Bertindak Hak-hak Hindu (HINDRAF), sebuah pertubuhan tidak berdaftar yang memayungi pelbagai badan bukan kerajaan bagi kepentingan kaum India. Walaupun bukan sebuah pertubuhan agama, HINDRAF berjuang untuk menangani tanggapan peminggiran kaum India oleh pihak kerajaan, termasuk perobohan beberapa kuil Hindu. Lima orang pemimpin HINDRAF yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 2007, dibebaskan pada bulan April dan Mei 2009. Walaupun dengan larangan tersebut, Hindraf tetap aktif memperjuangkan isu-isu diskriminasi terhadap masyarakat India dan agama Hindu.

Terdapat laporan kanak-kanak di bawah umur yang masuk Islam dalam kes di mana salah seorang ibu atau bapa secara rela masuk agama Islam dan menukar agama anak tanpa kebenaran seorang lagi pasangan bukan Islam. Mahkamah syariah selalunya mengesahkan penukaran agama kanak-kanak di bawah umur walaupun mendapat bantahan salah seorang ibu bapa. Kerajaan selalunya tidak bertindak untuk menghalang penukaran agama tersebut.

Pada bulan April 2009, M. Indira Ghandi melaporkan suaminya yang telah berpisah, K. Patmanathan, telah menukar agama tiga anak mereka yang berumur satu hingga 12 tahun secara paksa kepada Islam tanpa pengetahuannya pada bulan Mac dengan membawa surat beranak mereka ke jabatan agama negeri di Ipoh, Perak. Ghandi hanya menyedari penukaran agama itu selepas mahkamah syariah di Ipoh memaklumkan tentang keputusan mahkamah membenarkan penukaran agama dan memberikan hak penjagaan anak-anak kepada suaminya. Dia merayu keputusan mahkamah tersebut di mahkamah sivil. Berikutan bantahan awam, kerajaan persekutuan mengumumkan pada bulan April 2009 bahawa jika seorang pasangan masuk Islam, anak-anak akan mengikut kepercayaan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua ibu bapa pada masa perkahwinan mereka. Kerajaan juga menyatakan mahkamah sivil adalah tempat yang sepatutnya untuk membubarkan perkahwinan apabila salah seorang daripada pasangan memeluk Islam. Pejabat Peguam Negara diarahkan mengkaji semula dan mencadangkan perubahan kepada undang-undang sedia ada untuk mengelakkan kerumitan masa depan apabila salah seorang pasangan masuk Islam. Persatuan Peguam-peguam Mahkamah Syariah Malaysia dan kumpulan Islam lain mengkritik tindakan kerajaan, menyifatkannya sebagai “campur tangan dalam bidang perundungan” yang “mengancam kebebasan mahkamah.” Pada bulan Jun 2009, Persidangan Raja-Raja, satu badan perlembagaan kanan, memutuskan untuk mendapatkan pandangan daripada majlis agama negeri sebelum membuat keputusan ke atas cadangan pindaan undang-undang pertukaran agama. Pada 11 Mac 2010, Mahkamah Tinggi menolak permohonan Patmanathan dan memberikan hak penjagaan anak-anak kepada Gandhi. Patmanathan merayu keputusan itu dan berjaya mempertahankan hak jagaan anak bongsu mereka, meskipun terdapat arahan mahkamah untuk menyerahkan anak itu kepada Gandhi. Kes ini masih tertunggak pada akhir tempoh laporan.

Satu kes serupa sedang dikaji semula oleh mahkamah persekutuan. Shamala Sathiyaseelan telah mengahwini suaminya Jeyaganesh dalam satu upacara Hindu pada tahun 1998. Pada tahun 2002, Jeyaganesh masuk Islam secara diam-diam dan menukar namanya kepada Dr. Muhammad Ridzwan. Dia kemudian secara rasmi menukar agama anak-anak mereka kepada Islam tanpa berbincang dengan isterinya. Sebuah mahkamah syariah memberikan hak penjagaan anak-anak kepada Jeyaganesh. Shamala mengemukakan kesnya kepada mahkamah sivil, dengan alasan bahawa dia, sebagai bukan Islam, tidak terikat dengan keputusan mahkamah syariah dan penukaran agama anak-anaknya adalah tidak sah. Shamala melarikan diri ke luar negara bersama anak-anaknya selepas mahkamah sivil memberikan hak penjagaan anak-anak kepadanya. Peguam Jeyaganesh dilaporkan berhujah bahawa kes itu boleh dipertikaikan kerana Shamala telah melarikan diri ke luar negara. Peguam Shamala pula berhujah mahkamah perlu mengeluarkan keputusan akhir untuk menetapkan duluan (preseden) perundangan. Pada 12 November, satu panel lima orang hakim Mahkamah Persekutuan menolak permohonan rujukan kes Shamala dengan menyatakan bahawa kerana Shamala dipercayai berada di luar negara bersama dua orang anak lelakinya dan telah mengelakkan daripada prosiding menghina mahkamah yang dibawa oleh suaminya; mahkamah enggan memberi peluang lebih lanjut kepadanya untuk mendengar isu-isu perlembagaan mengenai kesahihan penukaran agama kanak-kanak. Mahkamah juga menerima bantahan awal daripada suaminya bahawa Shamala perlu menghadapi prosiding menghina mahkamah sebelum dia mempunyai hak untuk didengari.

Pada 20 Ogos, Mahkamah Persekutuan Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan status agama seseorang yang telah memeluk Islam dengan memutuskan bahawa perkara itu adalah di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah. Dengan berbuat demikian, mahkamah telah menolak rayuan S. Kaliammal, seorang Hindu, untuk menebus semula mayat arwah suaminya, M. Moothy daripada pihak berkuasa agama Islam. Moothy meninggal dunia pada tahun 2005 dan telah dikebumikan di tanah perkuburan Islam dan bukan mengikut upacara agama Hindu kerana mahkamah syariah telah memutuskan bahawa dia telah memeluk Islam sebelum kematianya.

Para pemimpin agama telah mendesak kerajaan untuk meneruskan cadangan agar saudara baru Islam mengumumkan status agama mereka secara terbuka. Di bawah cadangan itu, selepas menukar agama, JAKIM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan mendokumen penukaran secara automatik agar maklumat dapat disediakan kepada pihak-pihak yang berminat dalam usaha untuk mengelakkan pertikaian mengenai status mualaf Islam apabila berlaku kematian mereka. Pada 18 Oktober, portal berita Malaysiakini memetik Menteri Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz sebagai berkata bahawa cadangan itu tidak dapat lagi diteruskan kerana Majlis Raja-Raja belum lagi bersetuju dengan perubahan yang dicadangkan.

#### **Pembaikan dan Perkembangan Positif dalam Penghormatan Terhadap Kebebasan Beragama**

On 27 September, dalam ucapan yang disampaikan di Perhimpunan Agung PBB, Perdana Menteri Datuk Seri Najib mencadangkan “Pergerakan Global Kesederhanaan yang melibatkan semua kepercayaan yang komited untuk bekerjasama untuk memerangi dan menyihikan golongan pelampau yang mengancam dunia kerana ketaksuban mereka dan pendapat yang berat sebelah.” Pada 3 Disember, pada ucaptama Perhimpunan Agung Persidangan Antarabangsa Parti-parti Politik Asia ke-6, Najib menggesa para pemimpin untuk mengambil jalan yang sederhana dan menegaskan perkara-perkara yang diucapkan beliau dalam Perhimpunan Agung PBB.

Pada 23 September, seorang hakil mahkamah tinggi Johor menganugerahkan ganti rugi kepada Orang Asli penganut agama Kristian di Kuala Masai kerana kemusnahan gereja mereka yang menyalahi undang-undang oleh pihak berkuasa pada tahun 2005. Hakim memutuskan bahawa kerajaan telah menceroboh tanah Orang Asli Laut dan tidak mempunyai hak untuk meruntuhkan gereja. Jumlah ganti rugi yang diberikan belum ditentukan.

Pada 6 April 2010, Kabinet mengumumkan pembentukan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama untuk menggalakkan pemahaman yang lebih baik mengenai agama dan keharmonian di antara orang Islam dan penganut agama lain. Dalam majlis makan tengah hari ahli jawatankuasa yang melibatkan lebih 100 pemimpin daripada pelbagai agama yang diadakan pada 22 September, Perdana Menteri mengakui kewujudan ketegangan agama di Malaysia dan berjanji untuk menyelesaikan perbezaan ini. Beliau menekankan keperluan untuk memahami agama dengan menyeru para pemimpin agama untuk menggalakkan pemahaman agama yang berbeza. Pada 1 dan 2 Disember, pihak majlis telah mengadakan bengkel selama dua hari untuk merangka strategi dua tahun untuk meningkatkan hubungan pelbagai budaya di negara ini. Turut hadir adalah wakil-wakil dari MPBKHSTM, Jawatankuasa Penyelaras Bersekutu NGO Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan JAKIM. Jawatankuasa telah menubuhkan empat jawatankuasa kerja kecil yang memberi tumpuan kepada: (1) pemahaman, (2) aktiviti-aktiviti bersama; (3) pengantaraan; dan (4) jawatankuasa tindakan bersama antara kerajaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Setiap jawatankuasa akan dipengerusikan bersama oleh seorang Islam dan bukan Islam. Antara rancangan untuk 2011 adalah upacara sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia.

Sekumpulan tujuh Orang Asli yang menganut Kristian telah menyaman kerajaan negeri Kelantan selepas pihak berkuasa negeri merobohkan sebuah gereja di atas tanah yang diduduki oleh masyarakat orang asli pada bulan Januari 2008. Pada bulan Oktober 2009, Mahkamah Tinggi Kelantan berpihak kepada orang asli dengan memutuskan bahawa mereka mempunyai hak untuk menggunakan tanah untuk menganjurkan majlis keagamaan Kristian. Kerajaan negeri Kelantan mengemukakan rayuan atas keputusan Mahkamah Tinggi.

Pada 22 Mac, Dewan Pemuda Masjid Malaysia (DPMM) sebuah pertubuhan NGO Islam yang konservatif, telah memfailkan tuntutan sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap SIS untuk melarang pertubuhan itu daripada menggunakan "Sisters In Islam" sebagai nama dan identiti pertubuhan. Dalam afidavitnya, DPMM mendakwa bahawa pemeriksaannya dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendedahkan bahawa SIS telah didaftarkan di bawah nama SIS Forum (Malaysia) dan bukan " Sisters in Islam." Pertubuhan NGO itu juga mendakwa "Memorandum Persatuan" SIS tidak menyatakan bahawa tujuan penubuhan pertubuhan itu adalah untuk wanita Islam tetapi sebagai sebuah gerakan sekular-feminis yang menyokong hak-hak yang sama antara lelaki dan wanita. DPMM juga mendakwa bahawa perkataan "Islam" adalah dikawal dan dihadkan oleh Pendaftar Syarikat dan hanya boleh digunakan setelah mendapat kebenaran daripada SSM dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, sambil menambah bahawa SIS sering mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Pada 29 Oktober, Mahkamah Tinggi membatalkan permohonan DPMM dan berpihak kepada SIS dengan menyatakan bahawa penetapan sedemikian adalah dikawal dan dihadkan oleh Pendaftar Syarikat.

### **Bahagian III. Status Penghormatan Masyarakat kepada Kebebasan Beragama**

Terdapat beberapa laporan penganiayaan atau diskriminasi masyarakat berdasarkan pertalian, kepercayaan, atau amalan agama.

Mereka yang memeluk baru agama, terutamanya mereka yang keluar daripada Islam, mungkin menghadapi stigma yang teruk. Dalam banyak kes, mereka yang memeluk agama baru menyorokkan kepercayaan dan amalan yang baru dianut daripada penganut agama dahulu mereka, termasuk rakan taulan dan saudara mara.

Pada 20 November, kumpulan konservatif Islam Perkasa memfailkan laporan polis terhadap akhbar *The Sun* kerana satu artikel yang bertajuk "Sore need for plurality in law" yang yang disiarkan pada 18 November. Perkasa mendakwa artikel itu menghina mahkamah kerana mempersoalkan rasional mahkamah di dalam kes Shamala. Artikel itu menyatakan, antara lain bahawa "Time and time again, we have seen our courts hide from their responsibility to uphold the Constitution whenever cases involving Islam appear" (*Sekali lagi, kita melihat mahkamah kita melepaskan tangan daripada tanggungjawab mereka untuk menegakkan Perlembagaan apabila kes-kes yang melibatkan Islam muncul*). Tiada perkembangan lanjut yang berlaku sepanjang laporan ini.

Pada bulan Oktober 2010, Iskandar bin Fadeli, pembantu kanan di Sekolah Rendah St Thomas di Negeri Sarawak telah merotan Basil Anak Baginda yang berumur 10 tahun sebanyak 10 kali di atas tapak tangan kerana membawa nasi goreng dan sosej babi ke sekolah untuk makan tengah hari. Pada 9 November, Iskandar memohon maaf secara terbuka kepada ibu Basil, Angela Jubing, di hadapan pegawai kementerian pendidikan, lembaga sekolah, dan Guru Besar sekolah. Bapa Basil, Baginda Minda, mendakwa dia memeluk Islam pada tahun 1999 dan anaknya, yang dilahirkan pada tahun 2000, telah dibesarkan sebagai seorang Kristian. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata kerajaan telah meminta JAKIM untuk menyiasat status agama Basil. Tiada perkembangan lanjut yang berlaku sepanjang tempoh laporan ini.

Pada bulan Ogos 2010, Sunita Klinck, seorang ibu beragama Islam di Labuan, mengadu bahawa pihak berkuasa sekolah St Anne telah mengganggu anak perempuannya kerana tidak memakai tudung ke sekolah semasa bulan Ramadan. Pada 26 Ogos, akhbar tempatan, *The Sun* melaporkan bahawa sekolah telah memanggil anak perempuan Klinck dan mengancam untuk merotanya kerana tidak mematuhi peraturan sekolah. Menurut Klinck, "Dua guru disiplin lelaki malah mengurung anaknya di pejabat dengan pintu yang ditutup selama kira-kira 20 minit, sambil mengacu-acukan rotan untuk mengancam dia agar mematuhi peraturan." Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran Alimuddin Mohd Dom berkata bahawa beliau akan menyiasat perkara itu. Pada 23 Ogos, Timbalan Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin, menyuarakan pendapat kerajaan, "Jika keluarga merasakan anak-anak mereka tidak perlu memakai tudung, itu terpulang kepada mereka. Ini adalah pilihan individu." Tiada perkembangan lanjut yang berlaku sepanjang tempoh laporan ini.

Pada 18 April kira-kira 50 wakil-wakil dari NGO Islam telah memfailkan aduan kepada polis terhadap bekas mufti Perlis Mohd Asri Zainul Abidin dan portal berita Malaysiakini, atas dakwaan hasutan terhadap satu artikel yang ditulis oleh bekas mufti dan diterbitkan oleh portal berita Malaysiakini pada 4 April. Artikel yang bertajuk, "Cabaran Gerakan Pembaharuan," didakwa menghina Islam dan raja-raja Melayu (merujuk kepada sultan dari sembilan negeri yang berkhidmat sebagai Agung secara bergilir) sebagai sebuah institusi untuk mentadbir hal ehwal Islam di negara ini. Kes itu belum selesai pada akhir tempoh laporan ini.

Pada bulan Ogos 2009, seramai 50 orang penduduk Islam di Selangor membantah penempatan semula sebuah kuil Hindu ke kawasan perumahan mereka dengan membawa kepala lembu ke pintu pagar depan pejabat kerajaan Negeri Selangor. Para penunjuk perasaan berganti-ganti memijak kepala lembu dan mengancam pertumpahan darah jika kerajaan memindahkan kuil ke kawasan kejiran mereka. Pada bulan September 2009, mahkamah sesyen telah mendakwa 12 orang kerana hasutan serta kerosakan pada agama Hindu kerana mereka telah mencemar binatang suci bagi pengikut Hindu. Kesemua 12 orang mengaku tidak bersalah dan dibebaskan dengan jaminan. Mereka kemudian muncul di mahkamah magistret atas tuduhan tambahan mengikut Akta Polis kerana menyertai perhimpunan

haram. Mereka sekali lagi mengaku tidak bersalah dan dibebaskan dengan jaminan. Pada 27 Julai 2010, Mahkamah sesyen telah menjatuhkan hukuman ke atas dua orang penunjuk perasaan dengan denda RM3,000 atau menghadapi tiga bulan penjara selepas mengaku bersalah menghasut. Seorang daripada dua lelaki tersebut juga dihukum satu minggu tambahan di dalam penjara. Mahkamah membenarkan pembebasan tanpa dibebaskan daripada tuduhan kepada empat orang yang lain. Sebelum ini, kesemua 12 orang penunjuk perasaan telah mengaku bersalah atas tuduhan menyertai perhimpunan haram dengan tujuan menimbulkan ketidakteraman orang ramai dan diperintahkan untuk membayar denda RM1,000 atau dikenakan penjara sebulan.

#### **Bahagian IV. Dasar Kerajaan A.S.**

Kerajaan A.S. berbincang tentang kebebasan beragama dengan kerajaan Malaysia sebagai sebahagian daripada dasar menyeluruhnya untuk menggalakkan hak asasi manusia.

Wakil-wakil Kedutaan mengekalkan dialog yang aktif dengan para pemimpin dan wakil-wakil kumpulan agama, termasuk mereka yang tidak diiktiraf secara rasmi oleh kerajaan Malaysia. Program-program kedutaan termasuk lawatan ke Amerika Syarikat untuk para pendidik Islam dan lawatan untuk memberi ceramah di Malaysia oleh pemimpin masyarakat Islam Amerika. Kerajaan A.S. juga membiayai geran masyarakat sivil dan geran program pertukaran bagi wakil pertubuhan bukan kerajaan yang berkhidmat untuk menggalakkan tolak ansur agama, menghormati kepelbagai, hak asasi manusia, dan keterbukaan di dalam negara.